

PERSPEKTIF PERUNDING TERHADAP ETIKA DALAM INDUSTRI PEMBINAAN

NABILAH BINTI MOHAMAD

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2011

## **PENGHARGAAN**

Bismillahirrohmanirrahim.....

Sejunjung kasih dan setinggi-tinggi penghargaan dikalungkan kepada semua pihak yang telah terlibat sepanjang dalam menghasilkan kajian ini sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan kurnianya maka saya dapat menyiapkan Projek Sarjana Muda ini dengan sempurna.

Juataan terima kasih juga saya tujukan kepada penyelia Projek Sarjana Muda iaitu P.M Wan Yusoff Bin Wan Mahmood di atas tunjuk ajar serta bimbingan yang telah dicurahkan sepanjang melaksanakan kajian ini. Beliau juga banyak membantu dalam memberi penerangan serta maklumat berkaitan tajuk kajian yang telah dibuat.

Tidak dilupakan juga kepada sumber inspirasi serta pendorong utama iaitu emak dan abah di kampung yang telah banyak memberi sokongan moral dan serta rakan-rakan seperjuangan yang juga telah banyak membantu serta bersama-sama bertungkus lumus dalam menyiapkan kajian ini. Terima kasih juga diucapkan diatas segala ilmu yang telah dicurahkan serta memori sepanjang berada di UTM bersama. Diharap semua dapat memanfaatkan kajian ini dengan sebaiknya dan semoga semua dapat mencapai kejayaan dengan jayanya, Insyallah.

Sekian, Terima Kasih.

## ABSTRAK

Kepesatan industri pembinaan pada masa kini begitu membanggakan selaras dengan kemajuan teknologi serta kesan ekonomi negara yang begitu pesat membangun. Namun, kepesatan dalam dunia industri pada masa kini bukan hanya dilihat daripada sudut positif, namun masih terdapat masalah serta kekangan yang dihadapi oleh sektor pembinaan ini. Dalam melaksanakan sesebuah projek yang berjaya, tanggungjawab yang dilakukan perlulah secara telus dan amanah seraya dengan imej sebagai profesional yang perlu dikekalkan. Masalah etika yang sering berlaku terutama dalam industri pembinaan ini adalah masih di tahap sederhana namun, jika ianya terus terlepas pandang maka ianya akan menjadi masalah yang lebih serius. Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti permasalahan terhadap pelanggaran etika ini. Bersesuaian dengan objektif bagi kajian ini iaitu mengkaji amalan-amalan yang sering berlaku dalam industri pembinaan ini di mana pada peringkat ini kita dapat mengenal pasti amalan-amalan yang sering berlaku yang menyalahi etika profesional. Namun begitu, melalui kajian ini, faktor-faktor utama juga turut dikenal pasti sebagai objekif kedua bagi masalah yang berlaku terhadap pelanggaran etika dalam industri pembinaan ini. dalam usaha mencapai kedua-dua objektif tersebut, penggunaan borang soal selidik telah diedarkan kepada pihak responden yang terdiri daripada perunding-perunding binaan iaitu arkitek, jurukur bahan serta jurutera di sekitar Kuala Lumpur. Sebanyak 254 set borang soal selidik telah diedarkan dan 53 set telah dikembalikan. Kaedah kajian yang digunakan bagi mengumpulkan data ialah melalui borang soal selidik serta temu bual. Borang soal selidik dianalisis dengan menggunakan kaedah min skor, peratusan dan kaedah kekerapan (frekuensi). Berdasarkan analisis mendapati bahawa amalan yang melanggar etika yang sering berlaku dalam industri pembinaan di peringkat pra-kontrak adalah pendedahan sebuat harga kontrak manakala bagi peringkat pasca-kontrak pula, amalan yang melanggar etika seperti memaksimumkan kos pada perubahan kerja adalah antara amalan yang tertinggi berlaku.

## **ABSTRACT**

The pace of the construction industry at present is so remarkable in line with technological progress and economic impact of such a rapidly developing country. However, the pace of the industry at present is not only seen from a positive angle, but still there are problems and constraints faced by the construction sector. In implementing a successful project, the responsibility should be carried out with transparency and trust while the image as a professional should be preserved. Ethical problems that often occur, particularly in the construction industry is still at a moderate level but, if it still happens, so it will become a more serious problem. Thus, this study was carried out to determine violations of these ethical problems in the early stages. This study is based on two objectives which is to find the unethical practices at every stage that currently happen in construction industry and also to find that the major driving force to unethical occurrences. However, through this study, key factors were also identified as the objectives of the problems that occur on ethical violations in the construction industry. In order to achieve both objectives, the questionnaires were distributed to the respondents from the construction consultants such as architects, quantity surveyors, engineers in and around Kuala Lumpur. A total of 60 sets of questionnaires were distributed and 53 sets were returned. The methodology used to collect the data through questionnaires and interviews. Questionnaires were analyzed using mean scores, and percentage of frequency (frequency). Based on the analysis, it was found that the violation of ethical practices that often occur in the construction industry in the pre-contract and the contract price and quotation exposure to post-contract stage, the practice violated the ethics of such work to maximize the cost of the changes is among the common practices.